



Covid-19 #kitamestimenang

(10 Jun 2021) Kosmo / p. 4

Individu positif ke CAC meningkat lebih dua kali ganda, beban petugas bertambah

Pesakit sembuh lepasi angka 7,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Negara semalam sekali lagi mencatatkan pesakit pulih melebihi angka 7,000 dengan 7,386 kes menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 548,705.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, mengenai kes harian negara, sebanyak 6,239 kes dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 633,891 kes.

Kes aktif dengan keboleh-jangkitan Covid-19 pula sebanyak 81,575 termasuk 905 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi, manakala 453 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Terdapat 75 kes kematian dilaporkan termasuk satu warga asing menjadikan jumlah kes kematian Covid-19 terkini sebanyak 3,611 kes,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 15 kluster baharu dikenal pasti melibatkan 13 kluster tempat kerja serta masing-masing satu kluster komuniti dan institusi pendidikan swasta berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

“Kluster tersebut ialah Kluster Sungai Rasau 27 (35 kes), Kluster Perusahaan Dua Batu Caves (12), Kluster Industri Balakong Tujuh (36), Kluster Camar Lapan (lapan), Kluster Alam Jaya Dua (62), Kluster Jalan Wisma (tujuh)



PEMANDU teksi sedang menunggu penumpang di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur kelmarin. — MUHAMAD IQBAL ROSLI

dan Kluster Lot Sembilan (24).

“Selebihnya ialah Kluster Kampong Huda (24), Kluster Industri Teluk Kalong (103), Kluster Lorong Perusahaan 8A (34), Kluster Industri Medan Tasek (19), Kluster Jalan Keluli Sembilan (14), Kluster Dah Mengkudu (39), Kluster Gong Mengkeleb (20) dan Kluster Putra Sembilan (10),” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Noor Hisham berkata, jumlah kedatangan pesakit ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) meningkat sebanyak 150 peratus iaitu daripada 4,000 sehari kepada 10,000 sehari pada 5 Jun lalu.

Jelas beliau, jumlah kes aktif

dalam pemantauan CAC turut meningkat 108 peratus daripada 5,300 sehari ke 11,000 sehari.

“Selain itu, terdapat peningkatan jumlah kes yang memerlukan rujukan ke hospital (step up care) bagi tempoh dari 23 Mei hingga 5 Jun iaitu daripada 10,000 sehari kepada 35 kes.

“Peningkatan jumlah kes Covid-19 yang mendadak sejak April lalu menyebabkan beban tugas anggota di CAC bertambah,” katanya.

Beliau berkata, dalam masa sama, peningkatan beban kerja dalam tempoh yang singkat menyebabkan kekangan talian te-

lefon bagi menerima panggilan daripada pesakit serta petugas untuk membuat dan menerima panggilan.

“Ini menyebabkan berlaku kejadian panggilan ke CAC tidak berjawab. Situasi ini menyebabkan kegelisahan kepada pesakit yang sedang menjalani pemantauan di rumah mengenai status kesihatan semasa.

“Ini khususnya apabila mereka melaporkan wujudnya gejala baru atau kemerosotan gejala dalam sistem MySejahtera tetapi masih belum diambil tindakan oleh CAC,” ujarnya.

Dr. Noor Hisham berkata, bagi menambah baik proses pemantauan oleh CAC, KKM dalam proses mewujudkan pusat panggilan untuk membantu CAC bagi perkara seperti menerima panggilan daripada pesakit yang bergejala untuk disalurkan ke CAC berkaitan.

“Seterusnya, menerima panggilan berkaitan pertanyaan umum berkaitan pemantauan di rumah (HSO) serta menyalurkan panggilan kecemasan ke MERS 999. Sebagai permulaan, ia akan dilaksanakan di Selangor serta Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mempunyai beban kes tinggi.

“KKM juga akan menambah talian telefon di 33 buah CAC di tiga negeri tersebut bagi mengurangkan kesesakan talian telefon,” katanya.

Sehingga kini sebanyak 198 CAC

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	6,239
Import:	11
Tempatan:	6,228
• Pulih	7,386
• Kematian	75
• Masih dirawat	81,575
• Jumlah kes sembuh	548,705
• Jumlah Kematian	3,611
Jumlah kes keseluruhan	633,891

di seluruh negara dengan setiap satu mempunyai pasukan yang terdiri daripada Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat, dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan (PPKP).

Ia ditubuhkan sebagai pusat sehenti untuk penilaian individu yang disahkan positif sebelum ditentukan sama ada sesuai untuk menjalani isolasi dan pemantauan kendiri di rumah atau memerlukan kemasukan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PRKC) atau hospital.